

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 12 Jun 2016 12:48
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: "KALAU TIDAK DIPECAHKAN RUYUNG, MANAKAN DAPAT SAGUNYA" TEGAS SMK SRI MERSING JOHOR



12 JUN 2016 / 07 RAMADHAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

"KALAU TIDAK DIPECAHKAN RUYUNG, MANAKAN DAPAT SAGUNYA" TEGAS SMK SRI MERSING JOHOR



ANJUNG TAMU ONLINE: Majlis Perwakilan Pelajar PraUniversiti Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mersing (SMKSM), Johor tidak berganjak dengan keputusan mereka untuk mengadakan lawatan ke UUM sebagai program tahunan. Kata guru pengiring SMKSM, Aziz Othaman. “Tahniah UUM”, setiap tahun kami ke UUM, tidak pernah jemu”.

Beliau berkata demikian sebaik sahaja 40 pelajar SMKSM bersama beberapa guru pengiring tiba di Welcome Centre.

“Terima Kasih di atas layanan istimewa”, tambah beliau.

Selain itu, lawatan sekitar kampus dan taklimat akademik oleh Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik, Shahidan Shafie antara agenda lawatan sempena Discover UUM.

Mereka yang ditemui menyifatkan peribahasa '*kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*' bertepatan dengan objektif lawatan ke UUM yang membawa maksud bahawa mereka tidak akan mendapat kejayaan jika tidak berusaha, itulah yang disampaikan oleh mereka semasa sesi temubual yang diadakan sambil mendengar penjelasan tentang sejarah penubuhan dan kepimpinan UUM.

“Yang penting, kita harus melihat keupayaan diri”, menurut Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar PraUniversiti SMKSM, Muhammad Aiman Ruslan.

“Apapun, semua itu bergantung kepada niat. Jika betul niat kita, tidak mustahil kejayaan itu menjadi milik kita, tetapi jika sebaliknya, terimalah kepayahan di atas kesilapan sendiri”, ujarnya lagi.

Selain itu, pelbagai pertanyaan mengenai kemudahan dan keistimewaan UUM sebagai universiti pengurusan dikemukakan oleh mereka ketika berada di Welcome Centre.

Jelaslah bahawa mereka menyedari pentingnya pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian perlu ada pada mereka sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, SMKSM berharap setiap pelajarinya dapat dipupuk untuk memahami sejarah negara, sejarah universiti dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara. Bahkan, mereka bukan hanya belajar memahami dan menerima kepelbagaian tetapi juga menghayati kepelbagaian.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

